1 Ogos, 1981

# Tahniah dari Seri Paduka

KUALA LUMPUR, Jumaat—Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Switzerland, Encik Kurt Furgler sempena Hari Kebangsaan negara itu esok.

Dalam perutusannya, Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agong mengucapkan setinggi tahniah dan ucap selamat bagi kesejahteraan Encik Furgler dan kemajuan serta kemakmuran berkekalan bagi Switzerland.

Menurut satu kenyataan Kementerian Luar hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga menghantar kawat yang sama kepada Encik Furgler sementara Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie mengirim perutusan tahniah kepada rakan sejawatnya, Encik Pierre Aubert.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia